

Accepted	Reviewed	e-Journal Upload
05 AUG 2021	17 MAY 2022	29 NOV 2022

**PERUBAHAN ELEMEN MORFOFONOLOGI LEKSIS SERAPAN PERIPHERAL  
INDO-EURO DALAM BAHASA MELAYU DI ALAM MALAYNESIA**

***MODIFICATION OF MORPHOPHONOLOGICAL ELEMENT IN BORROWING OF  
INDO-EURO LEXIS IN MALAY LANGUAGE THROUGH THE EXISTENCE OF  
INDO-EURO PERIPHERAL LEXIS IN MALAY MALAYNESIA***

Mohd Nor Azan Bin Abdullah<sup>1</sup>

**ABSTRAK**

*Artikel ini mengkaji perubahan elemen morf fonologi leksis serapan peripheral Indo-Euro dalam bahasa Melayu melalui kewujudan leksis peripheral Indo-Euro dalam kosa kata bahasa Melayu di alam Malaynesia. Leksis peripheral Indo yang berteraskan leksis Sanskrit manakala Euro merujuk kepada leksis Latin mahu pun Germanik. Bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan dan bahasa utama di kepulauan Malaynesia yang juga dikenali sebagai kepulauan Nusantara. Pengkaji akan menyenaraikan perubahan morf fonologi leksis peripheral tersebut dari aspek fonem dan morfologi dalam melahirkan leksis baharu Melayu Malaynesia. Kajian ini akan memperlihatkan kemantapan dan kekuatan bahasa Melayu sebagai bahasa yang fleksibel dalam menutralkan leksis bahasa Indo dan Euro untuk diterima pakai sebagai leksis Melayu, mengikut acuan sebutan Malaynesia. Asimilasi leksis daripada pelbagai bahasa dunia ke dalam bahasa Melayu melalui penyerapan leksis bahasa-bahasa dunia sekaligus memperlihatkan unsur-unsur pengantarbangsaan leksis dari pelbagai rumpun bahasa ke dalam bahasa Melayu. Di antara objektif kajian adalah mengenalpasti beberapa leksis Indo dan Euro dalam Bahasa Melayu dan menyenaraikan perubahan elemen fonem dalam pembentukan leksis baharu rumpun Melayu. Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan iaitu dengan merujuk buku-buku teks, artikel dan mengkaji pelbagai bahan bertulis berkaitan di laman sesawang.*

**Kata Kunci:** *Leksis, Indo-Euro, Melayu, Morf fonologi, Malaynesia.*

**ABSTRACT**

*This article examines the modification of morphophonological element borrowing lexis of Indo-Euro in Malay language through the existence of Indo-Euro peripheral lexis in Malay Malaynesia. Indo-peripheral lexis leans on Sanskrit lexis while Euro-peripheral lexis refers to Latin and Germanic lexis. Malay is a spoken language and the main language in Malaynesia which includes the Malay Archipelago and the Malay Peninsula. The author will list the phonemic changes in the peripheral lexis and morphological aspects in forming a new Malaynesian Malay lexis. This study will highlight the stability and strength of the Malay language as a flexible language in neutralizing the Indo and Euro lexis with some phonemic changes while accepting it as Malay lexis according to Malaynesian references. The assimilation of the lexis from the various world languages into Malay through the absorption process illustrates the internationalization of Malay lexis from various language families into the Malay language. The objectives of the study are to identify the Indo and Euro lexis in the*

<sup>1</sup> Mohd Nor Azan Bin Abdullah, Pensyarah Kanan (Ph.D), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah. azan@ums.edu.my

*Malay language and to list the changes in phonemic elements in the formation of the new lexis in Malay Malaynesian family. The author used an applied qualitative research method based on a library study of books and articles and via a review of relevant online materials.*

**Keywords:** *Lexis, Indo-Euro, Malay, Morphophonological, Malaynesia.*

## PENGENALAN

Artikel Mohd Zariat Abdul Rani yang bertajuk Antara Islam dan Hindunisme di Alam Melayu: Beberapa Catatan Pengkaji Barat, memetik pandangan pengkaji barat yang bernama N. J. Krom dalam bukunya *De Hindoue-Javaansche Tijd*. Krom yang berpendapat bahawa pengaruh kebudayaan Hindu sampai di kepulauan Melayu-Indonesia seawal abad pertama Masihi. Dalam buku *De Hindoue-Javaansche Tijd* oleh Krom menerangkan catatan Tionghua yang bertarikh 132 Masihi yang mana se orang Maharaja dari Ye-Tiao bernama Tio Pien dikatakan pernah menerima cenderamata daripada seorang Raja di Yawadwipa bernama Dewawarman. Berasaskan catatan itu Krom menyatakan penggunaan nama Yawadwipa merujuk Pulau Jawa berasal daripada bahasa Sanskrit.

Kehadiran pengaruh dan kebudayaan Hindu-Buddha pada ketika itu telah meresap dalam kehidupan masyarakat setempat tanpa sebarang paksaan. Kehadiran dan kemunculan budaya Hinduisme di kepulauan Melayu-Indonesia telah menyebabkan perubahan yang ketara dalam masyarakat Malaynesia terutama dalam kepercayaan serta kewujudan banyak monumen-monumen hindunisme yang telah dijumpai. Contohnya candi adalah peninggalan hinduisme di Lembah Bujang Kedah. Menurut Naim et al, (2012), Lembah Bujang merupakan kawasan terawal pengaruh Hindu-Buddha dan banyak artifak seperti seramik dan tembikar dijumpai. *Indo-Malaisienne* dalam bahasa melayunya diterjemahkan sebagai Indo-Malaynesia (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013). Ianya merujuk kepulauan Melayu di Asia Tenggara dan juga dikenali sebagai kepulauan Nusantara. Oleh yang demikian, penulis merujuk kepulauan Nusantara sebagai kepulauan Malaynesia (Mohd Nor Azan Abdullah dan Mohd Yusof Abdullah, 2018).

Pengaruh Portugis di alam Malaynesia bermula apabila kerajaan Melayu Melaka kalah dalam peperangan bersama Portugis pada tahun 1511. Portugis telah memerintah Melaka dari 1511 sehingga 1641, maka sudah tentu meninggalkan pengaruh yang besar dalam kehidupan harian masyarakat Malaynesia. Kekalahan Portugis di tangan Belanda pada tahun 1641 telah memberikan ruang kepada Belanda menyebarkan fahaman dan budaya mereka sehingga kejatuhan permerintahannya di Melaka pada tahun 1824.

Kehadiran British di Tanah Melayu juga meninggalkan beberapa pengaruh penting dalam pendidikan dan cara hidup masyarakat Melayu Malaynesia. Kesan daripada penjajahan kuasa-kuasa asing ke atas wilayah Malaynesia dalam tempoh yang lama telah membuka ruang peminjaman dan penyerapan lexis bahasa asing dalam pertuturan Melayu Malaynesia. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Bahasa Melayu mempunyai sifat yang mudah dilentur dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan. James T. Collins (1998) dalam bukunya yang bertajuk *Malay world Language A short History* jelas mengatakan “*Malay a clear descendant of the Austronesian Proto-language...*”, iaitu bahasa Melayu merupakan bahasa turunan daripada bahasa proto Austronesia. Manakala Nik Safiah Karim et al. (2009), berpendapat bahasa Nusantara mempunyai 4 kelompok bahasa iaitu Nusantara, Mikronesia, Melanesia dan Polinesia. Setiap cabang kelompok bahasa tersebut terdiri daripada berpuluh-puluh bahasa manakala bahasa

Acheh, Melayu, Batak, Minangkabau, Nias dan orang Laut merupakan di antara bahasa yang berada dalam cabang Nusantara. Kesemua bahasa ini berada di alam Malaynesia (Alam Melayu) dalam rumpun Austronesia.

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa antarabangsa dan ianya dapat dilihat melalui penubuhan Fakulti Pengajian Melayu di universiti luar negara seperti di University of London di England, University of Leiden di Belanda, Ohio University di Amerika Syarikat dan Beijing Foreign Studies Universiti di China. Ia juga merupakan di antara proses untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan sejagat seperti bahasa Perancis yang dianggarkan sebanyak 200 000 juta orang penutur dan bahasa Inggeris seramai 500 000 juta orang penutur. Pengantarabangsaan sesuatu bahasa juga bermaksud bahasa tersebut boleh dipertuturkan oleh masyarakat dunia walaupun bukan bahasa ibunda mereka. Ini disebabkan timbul rasa minat dan keinginan untuk mempelajari sesuatu bahasa lain. Tambahan pula sesuatu bahasa seperti bahasa Melayu memiliki diversiti lexis daripada pelbagai rumpun bahasa dunia. Diversiti perbendaharaan kata bukan sahaja dapat memikat hati penutur untuk belajar bahasa berkenaan malah mendorong perasaan ingin tahu serta keazaman untuk mempelajari bahasa tersebut. Proses diversifikasi ini berlaku disebabkan oleh penjajahan, pembudayaan, perdagangan, penyerapan ilmu teknologi dari dunia luar serta pelancongan dan beberapa kegiatan yang melibatkan perhubungan dan pertembungan di antara dua atau lebih budaya yang berbeza lantas proses peminjaman berlaku atas keperluan semasa (Mohd Nor Azan Abdullah dan Saini Ag Damit, 2018).

## KAJIAN LITERATUR

Penulis telah membuat kajian perpustakaan seperti merujuk buku-buku ataupun dokumen yang berkaitan seperti buku Mukadimah Ilmu Etimologi yang dikarang oleh James T Collins dan Etimologi Bahasa Melayu oleh S.Nathesan yang mengkaji kosa kata bahasa Melayu yang diambil daripada pelbagai keluarga bahasa bukan Austronesia bertujuan untuk mengetahui asal usul sesuatu kata.

“Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Bahasa Asing” karya Zaharani Ahmad et al. (2011), mengkaji implikasi penyerapan kata asing dalam proses pemeriksaan jati diri bahasa Melayu. Selain daripada membawa masuk leksikal baru, penyerapan lexis asing juga telah membentuk perubahan bunyi dan morfologi yang baru yakni lexis asing tersebut disebut dengan sebutan Melayu mengikut penyesuaian fonologi bahasa Melayu. Kemasukan bahasa asing memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu dan mampu menjadikan bahasa Melayu lebih maju, mantap dan unggul.

Mohd Nor Azan Abdullah dan Mohd Yusof Abdullah (2018), dalam kajian yang bertajuk “Kosa Kata Indo-Eropah, Semitik, Sino-Tibet dan Darvidien dalam Internasionalisasi bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama Di Dunia Di Alam Malaynesia”, mengkaji mengenai internasionalisasi bahasa Melayu dengan melihat sejarah kemasukan lexis non-Austronesia sebagai lexis Melayu di alam Malaynesia. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang fleksibel kerana mampu berasimilasi dengan perbendaharaan kata asing yang lain. Internasionalisasi bahasa Melayu dapat dilihat melalui dua aspek iaitu bentuk fonologi asal dan perubahan fonologi. Perubahan fonologi dapat dilihat dalam perubahan lexis non Austronesia yang dimelayukan. Sebagai contoh, lexis *conductor* merupakan lexis bahasa Inggeris, setelah dimelayukan, berlaku perubahan fonem /c/. Fonem /c/ bertukar /k/ < *conductor* kepada *konduktor* >. Begitu juga dengan bahasa non Austronesia yang lain. Perubahan fonologi

disesuaikan dengan keperluan sebutan Malaynesia yang merujuk wilayah geografi Melayu. Fonologi merujuk kajian sistem bunyi bahasa manakala fonem merupakan unit bahasa yang paling kecil, membedakan sistem bunyi di antara fonem. Beberapa gabungan fonem membentuk suku kata dan seterusnya membina leksis. Menurut Abdullah Hassan (2007), apabila menyusun sistem ejaan atau lambang tulisan, maka dibuatlah huruf melambangkan fonem. Dalam kajian ini menjelaskan berlakunya perubahan fonem leksis asing apabila leksis tersebut dimelayukan. Ini bererti berlaku perubahan bunyi leksis yang dimelayukan akan tetapi mengekalkan makna asal leksis asing tersebut dalam bahasa Melayu.

“Etimologi Bahasa Melayu” karya S.Nathesan (2015) pula menceritakan mengenai pengenalan kepada etimologi dan sejarah perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Kajian dalam bidang etimologi Melayu adalah terhad di Malaysia sahaja. Hal ini kerana kepayahan untuk mendapatkan rujukan dan dokumen dalam bidang ini. Collins menyatakan bahawa etimologi merupakan bidang yang belum begitu meluas diterokai di alam Melayu. Kajian etimologi dalam bahasa Melayu masih terhad jumlahnya. Kajian ini hanya memfokuskan kemasukan leksis Indo-Euro ke dalam bahasa Melayu. Tidak dinafikan terdapat juga leksis-leksis asing lain seperti leksis bahasa Cina dan Tamil juga mewarnai bahasa Melayu.

“Mukadimah Ilmu Etimologi” karya James T.Collins (2003) membicarakan mengenai metodologi ilmu etimologi iaitu kosa kata khususnya sejarah kosa kata bahasa Melayu. Antara penemuan Collins adalah perkataan “awak” merupakan kata asal Austronesia purba iaitu “sawak”. Collins juga mengkaji fungsi imbuhan dalam memperkayakan morfologi kata bahasa Melayu terutamanya apabila dicantumkan dengan pelbagai kata akar. Menurutnya, ahli bahasa Melayu di Eropah mengalami masalah mendapatkan korpus atau kumpulan teks bahasa Melayu. Setiap penelitian hanya bergantung kepada kamus yang sudah diterbitkan yang begitu kurang maklumat tentang sejarah kosa kata.

Walaupun begitu, kajian mengenai kaitan dan kepentingan penyerapan kosa kata bahasa Sanskrit, Arab mahupun Indo-Euro dalam konsep pengantarabangsaan bahasa Melayu belum pernah lagi dibuat. James T Collins dalam bukunya yang bertajuk “*Bahasa Melayu Bahasa Dunia*” memaparkan pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui pengutusan surat Sultan Aceh kepada King James I pada tahun 1612. Norliza Jamaludin (2002) pula dalam artikel yang bertajuk “Perkamusan Melayu sebelum Abad ke 20” menceritakan sejarah perkamusan bahasa Melayu oleh orang non-Austronesia yang datang berdagang di alam Melayu dan daftar kata yang pertama bertajuk “*Vocaboli de questi Popoli Mori*” telah berjaya menyalin sebanyak 426 perkataan Melayu berdasarkan ejaan Itali pada tahun 1519, diolah semula dan diterbitkan karangannya yang bertajuk Perbendaharaan Kata Melayu-Itali yang pertama oleh Antonio Pigafetta. Berdasarkan rujukan literatur maka penulis mendapati kajian leksis peripheral Indo-Euro dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu merupakan kajian baharu kerana kupasannya bukan sahaja menyenaraikan leksis-leksis tersebut akan tetapi penulis juga melihat perubahan fonem leksis asing yang dimelayukan.

Bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa yang diminati dan dipertuturkan oleh semua bangsa dunia boleh dilihat bila mana ramai YouTuber seperti artis yang bukan bahasa ibunda bahasa Melayu boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Contohnya, Maryam yang berasal daripada Korea (Channel DurianKimchi di youtube), Mat Dan yang berasal dari England (fasih berbahasa Melayu dialek Terangganu), Rhys William juga berasal daripada England (seorang influencer facebook dan instagram) serta Cassidy Anderson merupakan seorang penyanyi yang berasal daripada Australia yang meminati lagu-lagu daripada allahyarham Tan Sri P.Ramlee dan Puan Sri Saloma. Ini menunjukkan bahawa, bahasa Melayu mula diminati dan dipelajari

oleh orang bukan non-Austronesia kerana bahasa Melayu bukan sahaja senang untuk dipelajari dan dipertuturkan berbanding dengan bahasa lain malah kebanyakan leksis Melayu datangnya dari pelbagai rumpun bahasa dunia dan ini akan mempermudah seseorang yang berminat terhadap bahasa dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan cepat.

Menurut Jerome Samuel yang merupakan Ketua Jurusan Bahasa Melayu-Indonesia daripada Institut Nasional des Langues et Civilisation Orientales (INALCO) iaitu Institut yang mengkhususkan pengajaran bahasa dan budaya dunia, menyatakan bahasa Melayu tidak diketepikan, diajar di INALCO (Latifah, 2013). Terdapat 2 buah lagi universiti di Perancis menawarkan bahasa Melayu iaitu Universiti La Rochelle dan juga Universiti Le Havre. Menurut Philippe Granger yang merupakan Pengarah Institut Asia Pasifik Perancis agar banyak filem Melayu dipasarkan di Perancis terutama untuk siaran television malah mencadangkan agar banyak karya sastera Melayu diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis agar bahasa Melayu diminati di Perancis (Latifah, 2013). Cadangan tersebut sekali gus menjadi asas perkembangan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu di persada dunia.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini bersifat kualitatif. Penulis menggunakan kaedah sekunder iaitu kajian perpustakaan dengan merujuk buku-buku teks, artikel yang berkaitan dan merujuk lawan sesawang untuk mendapatkan bahan-bahan kajian yang berkaitan. Penulis melihat perkembangan kosa kata serapan yang mengalami perubahan dari segi fonem dan morfologi. Perubahan tersebut mewujudkan modifikasi terhadap kata pinjaman tersebut mengikut acuan sebutan Malaynesia. Setelah mendapatkan data-data linguistik yang relevan dan bersesuaian dengan kehendak objektif kajian, data-data tersebut diasingkan dengan menjelaskan etimologi leksis tersebut. Penulis menganalisis perubahan elemen leksis tersebut yang melibatkan samada penguguran elemen atau pengubahan elemen linguistik agar leksis asing yang diserapkan ke bahasa Melayu disebut dengan sebutan Melayu. Kaedah sedemikian akan dapat merungkai etimologi leksis-leksis tertentu bahasa Melayu itu sendiri.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Penulis merangka objektif kajian berdasarkan persoalan apakah leksis Indo-Euro yang diserapkan sebagai leksis bahasa Melayu dan bagaimana perubahan serta apakah elemen linguistik yang berubah setelah leksis non Austronesia tersebut dimelayukan. Oleh yang demikian penulis telah merangka objektif kajian untuk menyenaraikan beberapa kosa kata asal Indo-Euro yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu Malaynesia dan menganalisis beberapa perubahan elemen fonem dalam pembentukan leksis baru Melayu Malaynesia. Penulis juga memberikan beberapa contoh morfologi selepas perubahan elemen fonem yang diterima pakai sebagai leksis baharu Malaynesia.

## **JALUR PINJAMAN LEKSIS**

Bidang etimologi bukan sahaja mengkaji asal usul sesuatu leksis tetapi juga turut menjejaki perubahan leksis dengan merujuk bentuk leksikal. Bidang etimologi merupakan bidang linguistik yang mengkaji asal usul perkataan, rangkai kata, imbuhan, bentuk bahasa serta perkembangannya (S.Nathesan: 2015). Penulis akan melihat perkembangan leksis serapan bagi

beberapa leksis yang dipinjam daripada keluarga bahasa Indo-Euro. Perkembangan peminjaman leksis hanya melibatkan rumpun bahasa Indo-Euro meliputi Latin, Germanik, Sanskrit dan Parsi.

Berikut merupakan leksis serapan ke dalam bahasa Melayu yang dipinjam daripada kumpulan rumpun bahasa Indo-Euro. Bahasa Melayu meminjam leksis bahasa Latin dan Germanik melalui pengaruh bahasa Portugis, Belanda dan Inggeris serta daripada bahasa Sanskrit.

Akshára (Sanskrit) → Aksara (Melayu)

Bālya (Sanskrit) → Belia (Melayu)

Lima (Latin-Sepanyol) ← Limão (Latin-Portugis) ← Limun (Parsi) ← Limau (Melayu)


Mūsīca (Latin) ← Musique (Latin-Perancis) ← Musica (Latin-Sepanyol) ← Mosica (Germanik-Jerman) ← Muziek (Germanik-Belanda) ← Muzik (Melayu)

Bagage (Latin-Perancis) ← Baggage (Germanik-Belanda) ← Bagasi (Melayu)

Ballare (Latin Lama) ← Ballete (Latin-Perancis) ← Balleto (Latin-Itali) ← Ballet (Germanik-Inggeris) ← Balet (Melayu)

Alcool (Latin) ← Al-kuhl (Arab) ← Alcohol (Germanik-Inggeris) ← Alkohol (Melayu)

**Rajah 1 : Leksis Peripheral Indo-Euro Dalam Kitaran Penyerapan ke Dalam Bahasa Melayu**



Berdasarkan Rajah 1 di atas, penulis menggambarkan peminjaman leksis asing, ibarat fungsi atom dan nukleus. Bahasa Melayu diibaratkan sebagai atom manakala leksis peripheral disinonimkan sebagai nukleus seperti dalam Rajah 1. Leksis peripheral yang berasal daripada bahasa Indo-Euro berada di luar keluarga bahasa Melayu Malanesia. Lingkaran hijau dalam rajah tersebut mewakili bahasa Non-Malaynesia daripada keluarga Latin (Portugis, Sepanyol, Perancis), Germanik (Inggeris dan Belanda) serta bahasa Sanskrit, Hindi dan Parsi turut diassimilasi ke dalam bahasa Melayu sebagai leksis Melayu. Dan ianya diperjelaskan melalui pertindanan lingkaran peripheral hijau dengan lingkaran biru keluarga Melayu Malaynesia. Leksis-leksis tersebut berasimilasi dengan dengan pelbagai leksis Melayu Malaynesia dan diharmonisasi prosodinya dengan sebutan Melayu.

## PERUBAHAN MORFOFONOLOGI

Morf fonologi berhubung rapat dengan bidang tatabahasa iaitu morfologi dan fonologi. Morf fonologi melibatkan pertindihan bidang penerbitan perkataan dengan bidang kajian bunyi. Oleh itu morf fonologi melibatkan perubahan fonem dalam mofem yang membawa perubahan bunyi. Fonem adalah unit kecil dalam gabungan bunyi. Gabungan kecil ini boleh menunjukkan perbezaan makna atau perubahan bunyi. Contoh mofem *gagah* dan *gajah*. Fonem /g/ pada suku kata kedua *gah* digantikan dengan fonem /j/ akan mengubah mofem {*gagah*} kepada {*gajah*} dan sekali gus mengubah makna leksis tersebut daripada makna {*gagah*} kuat atau bertenaga kepada {*gajah*} mamalia besar daripada Elephantide. Akan tetapi

kebanyakan penyerapan leksis Indo-Euro ke bahasa Melayu melibatkan perubahan dalam fonem dan fon iaitu bunyi tanpa mengubah makna asal leksis tersebut.

**Jadual 1: Leksis Sanskrit**

LEKSIS ASAL SANSKRIT	PERUBAHAN FONEM	LEKSIS MELAYU
Vinasa	/v/ → /b/	Binasa
Vicara	/v/ → /b/	Bicara
Vaca	/v/ → /b/	Baca
Visa	/v/ → /b/	Bisa
Vayu	/v/ → /b/	Bayu
ARTIKULASI FONEM		

Sumber : /v/ Labiodental- se prononce légèment-bunyi lembut dengan artikulasi gigi atas menyentuh bibir bawah dalam Sanskrit (Sylvain Brocquet, 2010) & bertukar /b/ dalam daerah sebutan dwibibir dalam bahasa Melayu (Abdullah Hassan, 2007)

Beberapa contoh leksis asal Sanskrit seperti dalam jadual 1 diserapkan sebagai leksis bahasa Melayu tanpa perubahan makna leksis asalnya walaupun fonem /v/ Sanskrit berubah /b/ apabila dimelayukan. Fonem /b/ dalam leksis rumpun bahasa Melayu lebih dominan di awal leksis berbanding dengan fonem /v/ dalam bahasa Sanskrit. Jadual 1, penyerapan leksis Sanskrit ke bahasa Melayu merupakan penyerapan leksis penuh dengan penyesuaian bunyi fonem /v/ berubah ke bunyi fonem /b/ di awal ayat untuk bahasa Melayu.

#### **DISKUSI LEKSIS SANSKRIT DIHARMONISASIKAN DENGAN BUNYI MALAYNESIA**

Dalam jadual 1, leksis Sanskrit *Vinasa* dimana fonem /v/ bertukar /b/ apabila berlaku peminjaman ke bahasa Melayu *Vinasa* → *Binasa*. Pertukaran fonem mengakibatkan perubahan bunyi leksis tersebut tanpa perubahan makna asal. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa fleksibel boleh mengasimilasi leksis asing tanpa perubahan makna walaupun terdapat perubahan fonem. Artikulasi konsonan *v* di kawasan bibir dan gigi dalam Sanskrit berubah ke daerah artikulasi letupan dwibibir apabila konsonan *v* bertukar *b* untuk penyesuaian bunyi Melayu Malaynesia.

**Jadual 2 :Perubahan Morf fonologi**

LEKSIS ASAL	GUGUR/ SISIPAN VOKAL DAN KONSONAN	TERBITAN MORFOLOGI BAHASA MELAYU
<u>C</u> lass	Berlaku perubahan fonem <u>c</u> -> <u>k</u> . Penyisipan vokal <u>e</u> . Pengguguran satu konsonan <u>s</u> .	<u>K</u> elas
<u>G</u> lass	Penyisipan vokal <u>e</u> . Pengguguran satu konsonan <u>s</u> .	<u>G</u> elas
V <u>a</u> ccin A <u>cc</u> ent	Perubahan konsonan <u>c</u> → <u>k</u> Perubahan konsonan <u>c</u> → <u>s</u>	V <u>a</u> ksin A <u>k</u> sen

Berdasarkan jadual 2, berlaku penyisipan vokal *e* apabila leksis bahasa Inggeris *Glass* dimelayukan menjadi “Gelas”. *s* terakhir dalam penduaan konsonan akhir *ss* *Glass* digugurkan yang membentuk leksis Germanik-Inggeris. Leksis Inggeris <Class>, fonem /c/ bertukar menjadi /k/ untuk membentuk leksis Melayu *kelas*. Leksis ini juga menerima proses sisipan fonem /e/ yang juga merupakan vokal *e* menjadi *kelas* ← *Class* selepas fonem /c/ diganti /k/ kerana bahasa Melayu tidak menerima geminat atau dua konsonan kembar dalam tulisan akan tetapi fenomena penduaan konsonan wujud dalam bentuk sebutan kata terbitan sahaja tetapi tidaklah diberi lambang huruf dalam ejaan. Contohnya (hiduppan → hidupan; lipattan → lipatan; timballan → timbalan). Penyisipan dan penguguran fonem merupakan di antara cara pembentukan leksis baru Melayu daripada bahasa asing.

Penduaan konsonan seperti *ss* yang terdapat dalam leksis bahasa Inggeris bukan merupakan ciri himpunan fonem leksis Melayu. Oleh yang demikian konsonan geminat iatu penduaan konsonan bukan merupakan ciri elemen linguistik leksis Melayu. Oleh itu salah satu konsonan geminat digugurkan dalam membentuk leksis Melayu Malaynesia seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

**Jadual 3 : Terbitan Morfologi**

LEKSIS ASAL	GUGUR/ SISIPAN VOKAL DAN KONSONAN	TERBITAN MORFOLOGI BAHASA MELAYU
Planeta	Penguguran vokal <i>a</i>	Planetø
Jenela	Penyisipan konsonan <i>d</i>	Jendela
Gerja	Penyisipan vokal <i>e</i>	Gereja
Armário	Penguguran konsonan <i>r</i> dan penguguran vokal <i>o</i>	Almari

Berdasarkan jadual 3, kebanyakan leksis Portugis adalah berasal daripada bahasa Latin. Oleh itu peminjaman leksis tersebut ke bahasa Melayu adalah melalui bahasa portugis. Oleh itu leksis tersebut dideskripsikan dibawah pinjaman leksis Portugis. Proses penyerapan leksis Indo-Euro Portugis *Janela* ke bahasa Melayu *Jendela* (*Jendéla*) berlaku apabila penyisipan konsonan *d* yang bersifat letusan alveolar. Kedudukan artikulasi bunyi konsonan *d* terbentuk pada dinding gigi atas untuk membentuk leksis Malaynesia *Jendela* (*Jendéla*) yang bunyi dalam suku kata kedua adalah bunyi *é taling* (*Jendéla*) (Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga:531). Manakala untuk leksis *planeta*, berlaku proses penguguran vokal akhir *a* *planeta* (simbol penguguran ø) yang membolehkan *planeta* disebut *planet* (*planét*) dengan bunyi sebutan *e taling* dalam suku kata akhir apabila ianya dimelayukan. Begitu juga dengan penyisipan *e* pada suku kata pertama leksis *Greja* → *Gereja* dan disesuaikan bunyi vokal *e* dalam suku kata tersebut sebagai bunyi *e taling* pada leksis *Gereja* yang dimelayukan dan diterima sebagai leksis Malaynesia.

**Jadual 4 : Terbitan Morfologi Leksis Belanda-Melayu**

LEKSIS ASAL	GUGUR/ SISIPAN VOKAL DAN KONSONAN	TERBITAN MORFOLOGI BAHASA MELAYU
Decaan	Pengantian konsonan <i>c</i> → <i>k</i> . Penguguran satu vokal → <i>a</i> vokal.	Dek <u>a</u> n
Roken	vokal <i>e</i> → <i>o</i> konsonan	Rok <u>o</u> k
Winkel	konsonan <i>w</i> → <i>b</i> konsonan	<u>B</u> engkel

Schop	Konsonan <i>c</i> diganti dengan vokal <i>e</i> dan <i>h</i> digugurkan lalu berlaku proses sisipan konsonan <i>k</i>	sekop
-------	---	-------

Dalam jadual 4, leksis Belanda merupakan *bahasa* Indo-Euro dalam rumpun Germanik. Bahasa Melayu menerima banyak leksis Germanik yang kebanyakannya merupakan leksis Belanda. Leksis Belanda diserap secara tidak langsung dibawah pengaruh bahasa Belanda-Indonesia ke dalam bahasa Melayu. Leksis *Dekan* berasal daripada leksis Belanda *Decaan*. Proses penyisihan dan pengantian fonem /*c*/ berlaku apabila konsonan *c* diganti dengan konsonan *k*. Untuk pengharmonian sistem bunyi suku kata kedua, vokal *a* dalaman leksis asing *Decaan* digugurkan lalu membentuk leksis *Dekan* Malaynesia. Bunyinya /*a*/ dalam leksis yang dimelayukan, dideskripsi dari rongga mulut di antara lidah dan langit keras tidak dibunyikan panjang. Bagi leksis *Roken*, suku kata akhir huruf vokal *e* *Roken* mengalami proses penyisihan dan diganti dengan konsonan *o* *Roken* → *Rokok*. Huruf pertama *w* dalam leksis *winkel* bertukar ke konsonan *b* apabila dimelayukan dengan deskripsi sebutan yang bersifat letupan. Proses penguguran fonem /*w*/ melalui pengantian fonem /*b*/, diikuti penguguran fonem /*i*/ melalui proses sisipan fonem /*e*/ menuntut fonem /*g*/ di antara fonem /*n*/ *sengau* dan fonem /*k*/ letupan, menghasilkan keharmonian struktur bunyi KVKKKVK (K=Konsonan; V=Vokal). Struktur KVKKKVK telah membentuk leksis baru *Bengkel*. Pola yang mengandungi gugusan konsonan KVKKKVK merupakan pola penyesuaian konsonan bagi perkataan yang dipinjam daripada bahasa asing. Bunyi konsonan *w* dilenyapkan melalui pengantian konsonan *b*. Proses perubahan fonem leksis asing melalui penyisihan dan penyesuaian konsonan sedemikian menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang fleksibel kerana setiap leksis mudah dibentuk tanpa melibatkan perubahan pada makna leksis tersebut.

Diftong merupakan dua bunyi vokal yang berlainan fonem vokal, berposisi bersebelahan seperti ai, au, oi, dapat membina bunyi satu suku kata akan tetapi leksis Belanda yang belum diserapkan sebagai leksis Melayu mengandungi dua fonem vokal yang sama sebagai penanda bunyi yang panjang *aa*. Sistem dua fonem vokal yang sama untuk bunyi yang panjang tidak merupakan ciri bahasa Melayu Malaynesia. Oleh itu segala leksis pinjaman Belanda yang mengandungi dua fonem vokal yang sama digugurkan salah satu vokal *a* sebagai peraturan peminjaman leksis tersebut untuk diserapkan sebagai leksis Melayu agar tidak dipanjangkan ujaran tersebut.

Deretan konsonan *sch* dalam leksis *schop* juga bukan merupakan ciri pembentukan leksis Melayu, akan tetapi peminjaman leksis tersebut yang mengandungi deretan tiga konsonan diharmonikan dengan mengantikan struktur bunyi KKKVP (Belanda) kepada struktur bunyi Melayu KVVKV iaitu K mewakili konsonan + (V) vokal + konsonan + vokal + konsonan daripada *schop* kepada *sekop* bila dimelayukan.

**Jadual 5 : Terbitan Morfologi Leksis Sanskrit-Melayu**

BAHASA SANSKRIT	BAHASA MELAYU
Agāma	Agama
Rāja	Raja
Nāma	Nama
Kāla	Kala (Waktu)
Upāya	Upaya

Fonem /ā/ [ɑ] disebut dalam daerah belakang palatal dengan pembukaan rahang luas di antara tengah lidah dan langit keras dan bunyinya yang dipanjangkan dalam Sanskrit manakala [a] dalam bahasa Melayu vokal ini dilambangkan oleh huruf a dan tidak dipanjangkan

**Jadual 6 :Terbitan Morfologi Leksis Latin-Inggeris-Melayu**

BAHASA INGGERIS	BAHASA MELAYU
drāma (Latin)→ drama (Inggeris)	Drama
nōvella (Latin) → Novel (Inggeris)	Novel
Rādīo (Latin) → Radio (Inggeris)	Radio
Bonum (Latin) → Bonus (Inggeris)	Bonus
Agendum (Latin)→ Agenda (Inggeris)	Agenda

Dalam jadual 5 dan 6, terdapat juga leksis serapan terus tanpa perubahan bunyi fonem yang ketara /ā/dipanjangkan sebutan dalam Sanskrit manakala penyesuaian fonem /a/ sebagai vokal tidak bundar depan (atau tengah) seperti lambang **a** dalam Abjad Fonetik Antarabangsa, mengekalkan makna yang sama dengan leksis asal. Kebiasaannya leksis asing pinjaman penuh yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu menggambarkan unsur keagamaan, budaya dan pendidikan. Beberapa contoh leksis bahasa Sanskrit dan Inggeris diserap secara penuh ke bahasa Melayu dipanggil serapan leksis penuh.

Berbanding dengan leksis penduaan fonem vokal yang sama aa dalam leksis Belanda *Decaan* bertujuan untuk memanjangkan bunyi dua vokal tersebut, bunyi vokal panjang dalam bahasa Sanskrit pula ditranskripsi dengan fonem a bergaris lurus di atas fonem tersebut ā sebagai lambang pemanjangan bunyi fonem seperti bunyi penduaan aa untuk leksis *Decaan*. Leksis asing yang diterima sebagai leksis Melayu bagi kedua-dua fenomena tersebut disesuaikan dengan satu transkripsi fonem /a/ sahaja dengan sebutan fonetik [a] yang tidak dipanjangkan bunyi tersebut.

## KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa dalam bahasa Melayu terkandung seluruh leksis bahasa-bahasa utama dunia daripada pelbagai rumpun bahasa, berasimiliasi ke dalam bahasa Melayu. Pembentukan Leksis bahasa Melayu terhasil melalui modifikasi sebutan fonem leksis asing dan diharmonikan dengan bunyi sebutan Melayu Malaynesia. Pengharmonian sebutan berlaku sama ada melalui penguguran konsonon atau penyisipan vokal bagi memudahkan sebutan tanpa perubahan makna. Bahasa Melayu menjadi lebih kukuh bukan sahaja melalui penubuhan Fakulti Pengajian Melayu di luar negara seperti di University of London di England, University of Leiden di Belanda, Ohio University di Amerika Syarikat dan Beijing Foreign Studies Universiti di China malah jumlah peminjaman leksis non Austronesia yang banyak bertujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi serta sebagai bahasa kemajuan. Faktor penjajahan barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris dalam jangka masa yang panjang telah membolehkan leksis asing yang tidak terdapat dalam budaya Melayu Malaynesia diserapkan sebagai leksis Melayu. Pengaruh leksis Sanskrit pula telah berakar umbi sebelum kedatangan Islam ke alam Malaynesia dan leksis-leksis Sanskrit telah bersebuti sepenuhnya ke dalam kehidupan masyarakat Melayu Malaynesia sehingga penutur bahasa Melayu tidak

menyedari bahawa bahasa Melayu diwarnai dengan leksis Sanskrit, Portugis dan Belanda. Penutur pada kebiasaannya mudah mengenal pasti leksis Inggeris yang dimelayukan kerana bahasa Inggeris dipelajari sejak dibangku sekolah rendah lagi dan merupakan bahasa kedua di negara Malaysia. Oleh yang demikian, penutur mudah mengenai pasti leksis pinjaman daripada bahasa Inggeris berbanding dengan leksis bahasa Sanskrit, Belanda dan Portugis dalam kosa kata bahasa Melayu.

## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Fundamental Research Grant Scheme, FRGS/1/2018/SSI01/UMS/02/1 atas sokongan dan bantuan yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 2007. Linguistik AM: Sri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- James T. Collin. 2003. Mukidamh Ilmu Etimologi. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Ariffin. 23 Oktober 2013. Bahasa Melayu Terus Bersaing Di Perancis. Berita Harian.
- Mohd Nor Azan Abdullah. 2013. *Étude Comparative Des Structures Et Des Systemes Verbaux Du Francais Et Du Malais*. Tesis PhD. Besançon. France.
- Mohd Nor Azan Abdullah dan Mohd Yusof Abdullah. 2018. Kosa Kata Indo-Eropah, Sino-Tibet dan Darvidien Dalam Internasionalisasi Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama Di Dunia Di Alam Malaynesia. Jurnal Kesidang Volume 3.
- Mohd Nor Azan Abdullah dan Saini Ag Damit. 2018. Leksis Periferal Indo-Arabo-Euro Dalam Pengantarbangsaan Bahasa Melayu Di Alam Nusantara. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Mohd Zariat Abd Gani. 2005. Antara Islam dan Hindunisme di Alam Melayu : Beberapa Catatan Pengkaji Barat. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Mohd Zariat Abd Gani. 2005. Antara Islam dan Hindunisme di Alam Melayu : Beberapa Catatan Pengkaji Barat. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Naim, Azlan dan Fahmi. 2012. Lembah Bujang : Misteri Yang Tersingkap. IPGKPP Group Marketing IPG Kampus Pulau Pinang.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. 2009. Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Norliza Jamaludin. 2002. Perkamusan Melayu Sebelum Abad ke 20. Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya Volume 10.
- S. Nathesan. 2015. Etimologi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sylvain Brocquet. 2010. Grammaire Élémentaire Et Pratique Du Sanskrit Classique. Édition Safran. Belgique.
- Zaharani Ahmad, Nor Hasimah Jalaludin, Fazal Mohamed, Harishon Radzi dan Mohd Shabri Yusof. 2011. Pemerkaasaan Jati Diri Bahasa Melayu : Isu Penyerapan Bahasa Asing. Jurnal Melayu. UKM. Vol 6.